



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID**  
**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**SEMPENA**  
**MAJLIS RAMAH MESRA YAB PERDANA**  
**MENTERI BERSAMA PESERTA FELCRA**  
**BERHAD, PEKEBUN KECIL RISDA, TOK**  
**BATIN/PENGHULU ORANG ASLI JAKOA**

**17 OKTOBER 2022 | ISNIN | 2.30 PETANG**  
**ARENA MERDEKA, TAPAH, PERAK**



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

## **SALUTASI**

(Akan diberikan pada hari program)

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di Arena Merdeka, Tapah, Perak pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Ramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Peserta FELCRA Berhad, Pekebun Kecil di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta Tok Batin dan Penghulu Orang Asli di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak atas kesudian hadir pada pagi ni.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi penganjur iaitu FELCRA Berhad, RISDA dan JAKOA atas kejayaan penganjuran program pagi ini.
4. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para peserta FELCRA Berhad, pekebun kecil RISDA, dan Tok Batin Orang Asli khususnya dari **Daerah Tapah** ini. Terima kasih kerana sentiasa setia bersama-sama memberi sokongan kepada program-program pembangunan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

## **BANTUAN UNTUK KELUARGA MALAYSIA**

5. Majlis pada hari ini dianjurkan bertujuan untuk menyampaikan semula **pulangan hasil atau dividen**, kepada peserta Felcra Berhad dan pekebun kecil RISDA di mana inilah hasil usaha mereka dalam penyertaan dan sokongan kepada pelaksanaan program pembangunan kedua-dua agensi ini.
6. Selain itu juga, majlis pada pagi ini juga khabarnya ada berita gembira daripada YAB Perdana Menteri yang akan mengumumkan sesuatu yang istimewa buat peserta FELCRA Berhad, pekebun kecil RISDA dan Tok Batin Orang Asli.

7. Sebagai makluman YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian, kejayaan agensi-agensi KPLB dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar ini adalah satu mandat yang besar yang harus dipikul oleh saya bersama-sama pegawai-pegawai pengurusan KPLB serta agensi ini.
8. Walau pun terdapat pelbagai ketidaktentuan terutama melibatkan harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit, saya percaya dan yakin terhadap kemampuan kerajaan terutama agensi-agensi KPLB dalam menyerap segala permasalahan ini selain mencari jalan dan kaedah terbaik bagi memastikan nasib peserta dan pekebun kecil sentiasa dipelihara.
9. Bukan itu sahaja, malahan kewujudan **Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sejak tahun 2017 yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu di Kementerian ini,** telah banyak membantu **pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas pendapatan** akibat tidak dapat melakukan **aktiviti penorehan ketika musim tengkujuh.**
10. Oleh kerana YAB Perdana Menteri mengenal erti kepayahan pekebun kecil dan penoreh, pada tahun ini melalui pembentangan bajet tahun 2023 sekali lagi diluluskan peruntukkan BMT dengan tambahan kenaikan kepada RM 800 berbanding RM 600 pada tahun ini.

11. Faedah BMT ini turut dipanjangkan dan turut dapat dirasai oleh peneroka FELDA yang mengusahakan penanaman getah.
12. Bantuan - bantuan ini membuktikan kejayaan gagasan dan keprihatinan Keluarga Malaysia untuk kita makmur bersama dengan semua lapisan masyarakat mendapat pembelaan yang sewajarnya.
13. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kita sama – sama berikan kepada YAB Perdana Menteri di atas kenaikan bantuan ini. Ini membuktikan KPLB ini masih dekat di hati Perdana Menteri kita.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG FELCRA**

14. Bagi pihak FELCRA Berhad pula, pelaksanaan pembayaran agihan keuntungan yang telah dilaksanakan oleh FELCRA Berhad merupakan bukti komitmen, perjuangan serta komitmen berterusan agensi ini dalam memastikan nasib peserta sentiasa diberikan perhatian.
15. Saya menyarankan kepada warga peserta untuk terus menyokong FELCRA Berhad serta menyakini bahawa kehadiran agensi ini sebagai agensi pelaksana KPLB adalah untuk meneruskan kesinambungan usaha membandarkan luar bandar.

16. FELCRA Berhad komited dalam melaksanakan 3 teras pembangunan hal ehwal warga peserta iaitu memperkasa keyakinan peserta dengan memfokuskan kepada isu pemilikan tanah serta memperluaskan lagi program-program berbentuk *community engagement* bertujuan mendekatkan masyarakat peserta dengan pengurusan.
17. Selain itu juga, FELCRA Berhad akan memperkasa kesejahteraan peserta menerusi pelaksanaan program pembentukan modal insan peserta, memperluaskan liputan pembangunan infrastruktur di samping fokus kepada sektor pendidikan anak-anak peserta menerusi penubuhan tabung kecemerlangan pendidikan sebanyak RM1juta.
18. Bagi memperkasa ekonomi peserta, aktiviti peningkatan pendapatan peserta menerusi program pembangunan ladang berasaskan mekanisasi dan teknologi di samping memperkasakan program-program keusahawanan peserta.
19. Tiga teras di atas akan disokong oleh pelan transformasi dan pemulihan FELCRA berhad yang telah menerima sokongan penuh kerajaan.
20. Tanpa gagal juga, FELCRA Berhad telah memperuntukkan sejumlah RM 4.3 juta dari jumlah keuntungan tahunan syarikat untuk melaksanakan program obligasi sosial kepada warga peserta dalam pelbagai aktiviti iaitu modal insan, menaiktaraf kemudahan serta peningkatan ekonomi.

21. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Keluarga Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Dato' Seri akan terus menjaga kebajikan sesama kita serta berkongsi kemakmuran dalam memastikan kebajikan rakyat senantiasa terpelihara.

## **PENUTUP**

22. Akhir kata, saya mewakili KPLB sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob** di atas kesudian untuk menyempurnakan program pada hari ini.

23. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.